

1078- PERANAN INSTITUSI ZAKAT DALAM MENANGANI ISU SEKURITI MAKANAN YANG MELIBATKAN PADI

MOHD FAISOL IBRAHIM

Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
faisol@usim.edu.my

MOHD NASIR ALI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Islam Antarbangsa Selangor (UIS)
mohdnasir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Beras merupakan makanan ruji bagi penduduk Malaysia. Padi yang ditanam oleh petani akan dituai dan dijual ke kilang beras bagi menghasilkan beras. Petani yang mengusahakan tanaman padi pula akan dikenakan zakat padi jika cukup haul dan nisab. Penawaran beras yang mencukupi dalam pasaran amat penting kerana menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) terdapat empat komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu Ketersediaan makanan, Akses makanan, Penggunaan dan Kestabilan. Kekurangan hasil tanaman padi akan menyebabkan penawaran beras berkurangan dalam pasaran. Ini akan menyebabkan harga beras menjadi mahal dan terdapat golongan yang tidak mampu memiliki. Jesteru itu kajian ini akan mengkaji peranan institusi zakat dalam membantu menangani isu sekuriti yang melibatkan padi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan. Terdapat sebuah institusi zakat negeri yang mempunyai hubungan rapat dengan penanaman padi iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah dijadikan fokus kajian ini. Hasil kajian menunjukkan jumlah kutipan zakat padi tidak konsisten kerana mengalami perubahan kenaikan dan penurunan. Selain itu beberapa langkah telah diambil oleh institusi zakat negeri supaya kelestarian sekuriti makanan khususnya padi dapat ditingkatkan setiap tahun seterusnya menjamin bekalan beras yang mencukupi bagi pasaran tempatan. Jesteru inovasi dalam penjagaan penanaman padi di Malaysia perlu ditingkatkan supaya mampu menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan zakat padi seterusnya menyumbang kepada bekalan makanan beras yang mencukupi untuk masyarakat di Malaysia serta mengurangkan kebergantungan negara kepada impot beras dari luar negara. Jika ini dapat dilakukan secara holistik, maka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan menerima impak yang positif.

Kata Kunci : *Institusi zakat, Sekuriti Makanan, Padi, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).*

PENGENALAN

Di dalam ekonomi Islam, makanan termasuk di dalam kategori *dharuriyyat*. Ini membawa maksud makanan merupakan sesuatu sesuatu yang mesti dimiliki bagi mengelak berlaku kematian dan kemudaratan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Ini kerana keperluan makanan yang mencukupi mampu memelihara diri seseorang yang bertepatan dengan maqasid syariah iaitu memelihara agama, jiwa, akal, harta dan keturunan. Sebaliknya jika keperluan makanan tidak mencukupi akan mengakibatkan objektif maqasid syariah itu tidak tercapai yang kesannya amat memberbahaya bukan sahaja kepada agama tetapi juga jiwa, akal, harta dan keturunan. Menurut Noor Naemah et. al (2013), makanan berada di bahagian *dharuriyyat* dimana ia merupakan keperluan dan landasan dalam mewujudkan kesejahteraan

duniawi dan ukhrawi yang merangkumi semua dalam maqasid shariah iaitu agama, jiwa, akal dan harta benda.

Bagi penduduk di Malaysia, makanan ruji utama ialah beras yang dihasilkan melalui padi. Ada yang menggunakan beras tempatan dan ada yang menggunakan beras import. Kebiasaannya golongan B40 dan M40 akan membeli beras tempatan memandangkan harganya murah dan kekangan bajet disebabkan kos sara hidup yang semakin tinggi khususnya di kawasan bandar dan pinggir bandar. Jika dilihat daripada sudut kewangan sosial Islam, zakat dianggap alat utama dalam mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat melalui agihan-agihan zakat kepada fakir dan miskin khususnya di bulan Ramadhan iaitu zakat fitrah dikenakan pada suatu ketika dahulu berasaskan 1 gantang beras. Kini sebilangan besar penduduk di Malaysia telah menukar kaedah gantang beras kepada kupon. Selain itu di dalam jenis-jenis kutipan zakat, zakat pertanian iaitu padi merupakan salah satu hasil bagi kutipan zakat di Malaysia khususnya negeri Kedah yang dianggap negeri jelapang padi negara.

Melalui Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) mentakrifkan sekuriti makanan sebagai keupayaan semua penduduk mengakses makanan yang mencukupi bagi menjalani kehidupan yang sejahtera. Menurut FAO (2010), terdapat empat komponen utama dalam sekuriti makanan, iaitu:

- a. Ketersediaan makanan.
- b. Akses makanan.
- c. Penggunaan.
- d. Kestabilan.

Namun mutakhir ini, negara Malaysia dilanda isu sekuriti makanan khususnya yang melibatkan beras yang dihasilkan oleh padi. Kedai-kedai runcit dan juga tempat membeli belah yang menjual beras tempatan telah kehabisan stok manakala beras import masih lagi ada. Ini menyebabkan berlakunya kegusaran dikalangan rakyat B40 dan M40 kerana mereka terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi membeli beras import demi kelangsungan hidup. Ini secara langsung telah menjejaskan kesejahteraan kehidupan mereka. Menurut Muhammad Izzat dan Muhammad Hakimi (2021), di Malaysia, isu utama sekuriti makanan yang timbul dalam mendepani krisis adalah yang pertama, ketaksaan kestabilan sumber komoditi makanan dan kadar sara diri yang rendah yang mengharuskan import bersih makanan.

Walaupun pemerintah cuba menangani isu ini dengan menawarkan kembali beras tempatan tetapi ia telah mengambil sedikit masa. Apabila pasaran tempatan dipenuhi kembali dengan beras tempatan, masyarakat Malaysia telah melakukan '*panic buying*' yang menyebabkan beras tempatan kembali habis di pasaran. Ini juga disebabkan wujudnya pembelian secara beramai-ramai oleh pekerja asing yang membeli beras tempatan kerana harganya yang murah. Dalam erti kata lain berlaku perebutan pembelian beras tempatan antara pekerja asing di Malaysia dengan rakyat tempatan. Oleh itu perancangan ke arah kelestarian sekuriti makanan perlu menjadi suatu agenda utama sesebuah negara kerana Islam memandang serius kemaslahatan yang timbul jika sekuriti makanan rapuh sehingga menjejaskan cabang-cabang maqasid shariah. Islam telah menggariskan beberapa mekanisme untuk memastikan makanan dapat diperolehi oleh manusia sama ada yang kaya ataupun miskin. Oleh itu, bagi membantu

mereka yang miskin, mekanisme agihan makanan tersebut dilaksanakan melalui zakat, akikah, korban, denda haji dan lain-lain lagi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat perpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri Kedah. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan zakat padi dan usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan hasil tuaian padi.

PERBINCANGAN

Qardawi(2000) mengatakan bahawa salah satu tujuan zakat bagi penerima adalah untuk dapat membebaskan penerima dari kekangan untuk mendapatkan keperluan, agar mereka dapat hidup dalam keadaan aman. Sekiranya jumlah kutipan zakat tinggi maka agihan zakat juga dapat dimaksimumkan supaya lebih ramai asnaf layak menerimanya. Namun faktor demografi sesebuah institusi zakat negeri di Malaysia menjadi punca wujudnya ketidakselarasan bayaran dan kutipan zakat di Malaysia (Mohd Faisol, 2016).

Jadual 1: Jumlah Kutipan Zakat Padi LZNK Bagi Tahun 2011 Hingga 2022

Tahun	Jumlah Zakat Padi (RM Juta)	Kesan Kepada Sekuriti Makanan
2011	3.82	Positif
2012	4.07	Positif
2013	4.47	Positif
2014	5.20	Positif
2015	4.65	Negatif
2016	5.16	Positif
2017	4.21	Negatif
2018	3.76	Negatif
2019	4.44	Positif
2020	5.17	Positif
2021	5.33	Positif
2022	4.68	Negatif

Sumber: Laman Sesawang LZNK, 2023.

Berdasarkan jadual 1 di atas jelas menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat padi telah mengalami turun naik di negeri Kedah. Pada tahun 2011 hingga 2014 menunjukkan jumlah kutipan zakat padi telah mengalami kenaikan iaitu sebanyak 36.%. Selepas tahun 2014 sehingga 2019 jumlah kutipan zakat padi mengalami penurunan pula sebanyak 4.5%. Namun pada tahun 2020 dan tahun 2021 pula menunjukkan jumlah kutipan zakat padi masing-masing mengalami kenaikan kepada RM5.17 juta dan RM5.33. Walaupun begitu tahun 2022 jumlah kutipan zakat padi mengalami penurunan kepada RM4.68 juta sahaja.

Ketidaktentuan kutipan zakat padi di negeri Kedah yang digelar negeri jelapang padi sudah pasti turut memberi kesan kepada kecukupan bekalan beras kepada negara sama ada positif atau sebaliknya. Secara konsepnya kekurangan kutipan zakat padi menggambarkan penawaran padi dalam pasaran akan berkurang manakala kenaikan kutipan padi menggambarkan penawaran padi meningkat dalam pasaran. Ketidaktentuan kutipan zakat padi ini juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan negara Malaysia terpaksa mengimport beras luar ke dalam negara bagi memenuhi keperluan masyarakat Malaysia.

Ketidaktentuan jumlah kutipan zakat padi ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

- a. Masalah iklim (hujan/banjir/ kemarau
- a. Masalah tanah pertanian padi yang ditukar menjadi tanah komersil
- a. Masalah harga padi yang murah menyebabkan pesawah tidak berminat menanam padi
- a. Masalah harga benih padi, racun, kos lori padi, kos bajak tanah dan kos lain yang mahal
- a. Masalah hasil padi yang tidak berkualiti
- a. Masalah kartel padi yang memanipulasi pesawah
- a. Masalah tempoh masa untuk tuaian padi yang panjang

Oleh yang demikian, Lembaga Zakat Negeri Kedah mengambil langkah drastik bagi bersama-sama dengan kerajaan untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi khususnya bagi golongan B40 dan M40, maka beberapa inisiatif telah dilakukan oleh LZNK. Dalam menjayakan agenda transformasi sistem makanan negara, agensi mengurus zakat (AMZ) dilihat mampu membantu untuk menjamin bekalan makanan asas kepada penduduk Malaysia amnya dan golongan asnaf khususnya

Skim Estate Padi

Melalui fasa pertama skim ini, seramai 10 asnaf telah dipilih oleh LZNK yang mewakili tiga daerah di negeri Kedah iaitu Yan, Kubang Pasu dan Alor Setar. Tujuan ini adalah bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan sebagai asnaf seterusnya menyumbang juga kepada bekalan beras negara untuk jangka masa panjang. Sebidang tanah seluar 28 ekar di Padang Lumat, Yan telah dijadikan projek rintis ini. Berkat usaha murni LZNK ini akhirnya membuahkan hasil apabila hasil tuaian padi pagi projek ini agak tinggi iaitu lima hingga tujuh tan sehektar.

Di bawah skim ini, LZNK akan menanggung kos benih, baja dan racun serta upah menuai bagi meringankan beban yang dihadapi pesawah yang menyertai skim estet padi itu. Selain itu LZNK turut menjalinkan kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad untuk menawarkan pinjaman tanpa faedah kepada pesawah tersebut sebanyak RM5 ribu setiap musim menerusi pembiayaan mikro bangkit. Ini bagi membolehkan pesawah tersebut menggunakan wang pinjaman itu untuk menyara keluarga dalam tempoh empat bulan sebelum hasil padi dapat dituai. LZNK akan menggunakan duit keuntungan daripada jualan hasil padi untuk membayar hutang pesawah berkenaan. Ini secara tidak langsung dapat mengelak daripada isu kartel padi dan penipuan padi semasa timbangan.

Program SMART SBB (Program Smart Sawah Berskala Besar)

Program ini merupakan inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membangunkan kawasan-kawasan penanaman padi dengan mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan

pengeluaran hasil padi. Program ini juga bermatlamat meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi dan pendapatan pesawah dengan sasaran jumlah kawasan sawah padi seluas 150,000 hektar di seluruh negara secara berperingkat. Negeri Kedah melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah merupakan salah satu dari sembilan negeri yang terlibat dengan program Smart SBB.

Faedah yang diperolehi daripada program SMART SBB ialah mengurangkan tanggungan kewangan kerajaan dari sudut input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang, mengurangkan kos penanaman dan pengurusan padi, meningkatkan beras, meningkatkan pendapatan pesawah dan menyatukan tanah pesawah melalui pertanian kontrak.

Pada tahun 2022, daerah Yan Kedah dipilih untuk terlibat dengan SMART SBB ini yang melibatkan 32 peserta yang merangkumi 100 hektar tanaman sawah. Pengeluaran padi menggunakan pendekatan SMART SBB ini pengeluaran padi mampu mencecah 7 tan sehektar berbanding sebelum ini hanya 3.5 tan sehentar. Projek ini melibatkan kerjasama LZNK dan pihak MADA dan BERNAS.

Pada tahun 2023, pula seramai 69 asnaf berjaya meningkatkan pendapatan sehingga kira-kira RM2,900 sebulan melalui pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar Asnaf membabitkan 211 hektar penanaman padi sejak tahun lalu. Kejayaan ini menjadikan LZNK menjadi peneraju kepada model SMART SBB di Malaysia.

PENUTUP

Berdasarkan kepada Skim Estate Padi dan SMART SBB membuktikan bahawa Lembaga Zakat Negeri Kedah berjaya membawa pembaharuan dalam pengurusan zakat di Malaysia bagi mengeluarkan asnaf daripada arus kemiskinan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang sekuriti makanan melalui pekerjaan bersawah. Komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan LZNK yang begitu bersungguh dan jalinan kerjasama daripada pelbagai pihak iaitu MAFI, BERNAS, MADA dan BIMB menunjukkan usaha ke arah memenuhi sekuriti makanan khususnya beras yang menjadi makanan ruji penduduk Malaysia akan berjaya. Ini juga menunjukkan bahawa institusi zakat di Malaysia mampu memainkan peranan yang penting bagi kerajaan untuk memastikan kelestarian sekuriti makanan sentiasa terjaga dan mencukupi.

RUJUKAN

- Asmak Ab Rahman (2004). *Pemikiran Ekonomi Islam dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia*. (Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya). h. 126
- Hunger Statistics, Food Agriculture Organisation (FAO), 4 Ogos 2010.
- Mohd Faisal Ibrahim (2016), Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(2), 109-124.
- Muhammad Izzat Mohamed & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai (2021), Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis, *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 3, No. 4, 37-55.

- Muhammad Izzat Mohamed & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai (2021). Sekuriti Makanan Berlandaskan Konsep Halalan Toyyiban: Analisis Dari Perspektif Maqasid Shariah, *Jurnal Hadhari* , Vol.13 (2), 221 - 243
- Noor Naemah Abdul Rahman, Mohd Anuar Ramli, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh & Muhammad Ikhlas Rosele (2013). Relevansi teori al-Maslahah menurut al-Syatibi dalam menangani isu perobatan masa kini. *Jurnal Ilmu Hukum*, Al-risalah 13(1): 47-64
- Qardawi, Y. (2000). *Hukum Zakat: Studi Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur'an Dan Hadis*. PT Pustaka Utera Antar Nusa.